

Proton Saga

BM - 5 AUG 1985

seberangi jambatan

PULAU PINANG, Sabtu — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed, diiringi isterinya, Datin Paduka Dr Siti Hasmah Ali, hari ini memandu kereta Proton Saga menyeberangi Jambatan Pulau Pinang — menjadikan beliau orang kenamaan pertama berkereta menyeberangi jambatan yang ketiga terpanjang di dunia itu.

Perdana Menteri disambut di kepala jambatan di Jalan Udini di sini oleh Ketua Menteri, Dr Lim Chong Eu dan isteri; Menteri Kerjaraya, Datuk Samy Vellu; Menteri Pelajaran, Datuk Abdul-

Oleh NORZAHIZAN HAJI ISMAZ⁷
dan BADRUL HISHAM YUSOFF

lah Haji Ahmad Badawi dan Menteri Pertanian, Encik Anwar Ibrahim.

Kira-kira jam 8.30 pagi, Perdana Menteri memasuki kereta Proton Saga berwarna merah dan memandunya ke tengah jambatan.

Keindahan

Perdana Menteri membawa tiga penumpang istimewa bersamanya, iaitu Datuk Samy Vellu, Dr Lim dan Presiden Hicom, Tan Sri Datuk Jamil Jan.

Jambatan sepanjang 13.5 kilometer (8.4 batu) itu siap dibina oleh Syari-

kat Hyundai dari Korea Selatan 19 hari lalu. Ia akan dibuka kepada orang ramai pada 15 September ini.

Perdana Menteri memandu perlahan-lahan sambil menikmati keindahan 'Pulau Mutiara' dan menyedut udara bersih di tengah laut. Beliau berhenti di tengah-tengah jambatan untuk meninjau jambatan itu.

Selepas itu, pada kira-kira jam 9 pagi, Perdana Menteri memberi peluang kepada isterinya memandu kereta nasional itu dari tengah jambatan hingga ke Padang Seberang Jaya.

Jambatan yang akan memudahkan perhubungan antara tanah besar dan Pulau Pinang ini berjaya dibina dalam masa tiga tahun setengah oleh 5,000 pekerja tempatan dan dari Indonesia, Bangladesh, India serta Korea Selatan.

Pembinaannya dilaksanakan dalam sembilan peringkat bermula pada 1 Januari, 1982. Syarikat Hyundai diberi kepercayaan bekerjasama dengan beberapa syarikat tempatan, termasuk Hashbuddin Sdn. Bhd., Lim Kar Been Sdn. Bhd. dan Syarikat Pembinaan Rahim Sdn. Bhd. menayakan projek gergasi ini.